

# MRT nafi jadi punca gangguan bekalan air di Lembah Klang

**KUALA LUMPUR** – Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) menafikan dakwaan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) bahawa kerja pembinaan projeknya menyebabkan beberapa kejadian gangguan bekalan air di Lembah Klang.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Az-

har Abdul Hamid berkata, gangguan berkenaan berlaku ekoran kewujudan perkhidmatan di kawasan yang tidak dipetakan dan perkara itu perlu ditangani syarikat utiliti terbabit.

Beliau berkata, perkhidmatan utiliti termasuk air, elektrik serta telekomunikasi dipetakan oleh pemiliknya dan semua kerja pembinaan yang memer-

lukan pemindahan sementara atau kekal adalah berdasarkan peta yang disediakan mereka.

“MRT Corp telah mengulang periksa data yang diterima daripada pemilik utiliti menerusi pemeriksaan secara imbasan dan fizikal di peringkat awal kerja.

“Bagaimanapun, sesetengah utiliti mungkin tidak

boleh dikesan oleh alat pengimbas seperti plastik,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Syabas mendakwa sebanyak 16 kes paip pecah yang dicatat tahun ini adalah disebabkan oleh kerja-kerja projek MRT dan Transit Aliran Ringan (LRT) berbanding lapan pada 2012.